

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.2()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 6 TAHUN 2022**

Tarikh : 20 Jun 2022 (Isnin)
Masa : 10.00 pagi – 11.55 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN JUN 2022

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Jun 2022 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini

merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang keenam tahun 2022. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar memaklumkan bahawa pada 5 Jun setiap tahun, disambut Hari Alam Sekitar Sedunia. Tema Hari Alam Sekitar pada tahun ini ialah *Only One Earth*, Hanya Satu Bumi. Oleh itu, penghuni di bumi hendaklah sentiasa memastikan agar apa jua pembangunan yang dirancang tidak akan mendatangkan kesan buruk dan kemusnahan kepada bumi di masa hadapan.

Antara cabaran besar dalam kehidupan khususnya di bandar adalah pengurusan persekitaran terutamanya pengurusan sisa pepejal atau sampah-sarap yang dihasilkan bagi mewujudkan kualiti hidup yang terpelihara dan kehidupan yang lebih selesa serta sejahtera. Proses perbandaran yang pesat, peningkatan jumlah penduduk, pertumbuhan kawasan industri, perdagangan, institusi dan kediaman, serta peningkatan kuasa membeli mengakibatkan semakin banyak barangan dan sisa yang akhirnya dibuang. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kualiti alam sekitar akibat peningkatan sisa pepejal tetapi juga menimbulkan masalah kesihatan dan estetika.

Pemeliharaan alam sekitar adalah perlu bagi mengimbangi pembangunan pesat di kawasan MBSJ. Bagi memastikan keadaan persekitaran yang selesa, MBSJ mengutamakan penjagaan

kebersihan kawasan meliputi pemotongan rumput, pembersihan longkang, sapuan jalan serta kebersihan taman awam. MBSJ turut membuat pemantauan dan susulan terhadap aduan yang diterima berkaitan kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam yang dilaksanakan oleh pihak KDEB Waste Management Sdn. Bhd.

Menerusi pelan tindakan bagi Teras 3, Pembangunan Mampan, MBSJ melaksanakan pemantauan terhadap perkhidmatan kebersihan perbandaran. Sehingga Mei 2022, MBSJ telah membelanjakan sebanyak RM23.2 juta bagi pengurusan kutipan sampah dan pembersihan awam kepada pihak KDEB. Jumlah sampah yang dilupuskan sehingga Mei 2022 adalah 112,000 tan, iaitu dengan anggaran 22,400 tan sebulan (750 tan sehari).

Kelestarian bandar dan pembangunan bandar yang berdaya huni menjadi cabaran besar bagi mana-mana pihak berkuasa yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kehidupan bandar moden pada abad ini. Justeru itu, MBSJ turut menggalakkan penglibatan komuniti sebagai satu usaha bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan sisa pepejal dengan melaksanakan program kitar semula. Program ini dapat mengurangkan jumlah sampah yang dihantar ke tapak pelupusan dan ini secara tidak langsung akan menyumbang kepada persekitaran yang lebih bersih.

Kerjasama dan penglibatan rakan sinergi serta pihak berkepentingan dalam pembangunan perbandaran adalah keutamaan MBSJ dan sinonim dengan usaha ke arah *no one leave behind*. Sebagai contoh MBSJ telah mengadakan projek *Waste Wise City* bagi mewujudkan rangkaian pengurusan sisa di kalangan komuniti, menyediakan persekitaran kerja dan mendidik penduduk setempat tentang kepentingan pengasingan sisa menggunakan amalan 5R. Dua aktiviti utama yang menyokong program ini ialah Program Pengasingan Sisa di Sumber (Kawasan perumahan) dan Program Jom Kitar Semula MBSJ.

Sehingga Mei 2022, kadar kitar semula di peringkat MBSJ adalah sebanyak 22%. Data ini mengambil kira semua program yang dilaksanakan oleh Majlis termasuk kerjasama dengan rakan sinergi, NGO, swasta, pusat membeli-belah dan pengusaha barang lusuh. Harapan Majlis agar amalan kitar semula akan menjadi gaya hidup penduduk dan peniaga di MBSJ dalam usaha meningkatkan kadar kitar semula, seterusnya menyumbang kepada persekitaran yang lebih bersih.

Konsep kebun komuniti adalah kaedah untuk menggalakkan aktiviti yang menghasilkan tanaman tempatan melalui mempromosi pertanian berasaskan komuniti yang turut menyokong perkembangan ekonomi. Selain daripada menjadi sumber bekalan makanan serta pertanian untuk kegunaan tempatan, kebun komuniti juga memberikan kehijauan dan keindahan persekitaran

kawasan sekitar bandar. Projek perintis untuk kebun komuniti ialah di Pangsapuri Garnet pada 3 Oktober 2013. Jumlah kebun komuniti di MBSJ sehingga kini telah meningkat kepada 69 kawasan.

- ii) Datuk Bandar juga berkongsi tentang konsep *no one leave behind* yang dilaksanakan di MBSJ. Penyediaan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 1 dan 2) 2020 dan Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (RTSJ2035), telah meningkatkan bilangan unit perumahan melalui peningkatan kepadatan daripada 60 upe kepada 120 upe mengikut lokasi-lokasi tertentu.

Menjelang tahun 2035, RTSJ2035 telah membuat unjuran bilangan rumah yang dibina dianggarkan berjumlah 170,000 unit bagi menyediakan permintaan perumahan yang dijana oleh penduduk berjumlah 1,556,656 orang. Pertambahan unjuran perumahan ini sekali gus juga memerlukan kerjasama erat daripada rakan sinergi dan masyarakat amnya.

Pihak Majlis perlu mengimbangi permintaan untuk memajukan tanah bagi tujuan pembangunan perbandaran, rakan sinergi dan penyertaan masyarakat dengan menyediakan platform ini bagi membantu pihak kerajaan untuk terus memacu perkembangan perbandaran yang dinamik.

MBSJ telah merangka Pelan Strategik Subang Jaya 2020 hingga 2025 yang mengandungi 6 teras, 41 strategi dan 181 pelan tindakan yang akan dilaksanakan setiap tahun bagi mencapai “Subang Jaya Gemilang Bersama”. Teras keenam adalah Pembentukan Masyarakat Madani. Perbandaran yang gemilang memerlukan pembangunan yang menyeluruh dari segi fizikal, ekonomi dan sosial.

MPSJ telah di naik taraf dan diisytiharkan sebagai MBSJ berkuatkuasa 20 Oktober 2020. Seiring dengan itu juga MBSJ telah berkerjasama dengan rakan sinergi iaitu pihak pemaju di dalam penyediaan kemudahan awam dan infrastruktur yang telah turut sama menaikkan nama MBSJ.

Di dalam meluluskan pelan pembangunan tanah, pihak Majlis juga telah menggunakan Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor di mana kemudahan awam yang lengkap mengikut kategori tertentu perlu disediakan mengikut jumlah penduduk yang dijana melalui pembangunan tersebut. Sumbangan dari segi penyediaan infrastruktur adalah menyokong kepada pembangunan perbandaran yang dapat membantu dari segi kesinambungan trafik seiring dengan pembangunan perbandaran.

Untuk jangka masa lima tahun ini MBSJ telah berkerjasama dengan rakan sinergi iaitu pemaju melalui sumbangan infrastruktur

yang membolehkan Majlis membina persimpangan bertingkat di Puchong Utama dengan kos sebanyak RM30 juta.

Terkini, pihak Majlis sedang dalam peringkat reka bentuk bagi menyiapkan persimpangan bertingkat Kewajipan – Persiaran Murni yang akan melancarkan trafik keluar melalui USJ 1 ke Persiaran Kewajipan dengan anggaran kos berjumlah RM 35 juta. Pihak Majlis juga dalam proses mereka bentuk projek penyuraian trafik Kawasan Bukit Tandang yang melibatkan Jalan Pipit dengan kos berjumlah RM 30 juta. Kedua-dua projek ini dalam tempoh pelaksanaan tender 3 bulan.

Amalan baik melalui kerjasama rakan sinergi yang telah dilaksanakan oleh pihak Majlis dan pemaju dapat dilihat dari segi pembinaan kemudahan dewan awam. Contohnya pembinaan dewan awam di USJ 7, Putra Height, Taman Equine, Bandar Puteri dan di Taman Bukit Serdang. Antara dewan-dewan awam yang akan dibina oleh pihak pemaju adalah di Taman Puchong Tekali, Taman Saujana Puchong dan Taman Lestari Puchong. Usaha ini menandakan pihak Majlis sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh penduduk.

Pembangunan berkepadatan tinggi yang memberi impak besar kepada infrastruktur dan lalulintas tidak dikenakan syarat setimpal dari segi sumbangan bagi kos pembinaan infra dan kemudahan

awam. Justeru itu, Majlis mula mengenakan Caj Pemajuan bermula pada 1 September 2011 akibat tekanan pembangunan yang pesat dan keperluan memajukan tanah di Subang Jaya begitu mendesak daripada permintaan tinggi dari segi pembangunan perdagangan dan perumahan berkepadatan tinggi.

Majlis telah melaksanakan Caj Pemajuan yang melibatkan keseluruhan Kawasan Subang Jaya yang telah mempunyai Rancangan Pemajuan. Di antara projek infrastruktur dan kemudahan awam yang telah dilaksanakan melalui kutipan caj pemajuan daripada pihak pemaju ialah membina jalan, dewan serbaguna, stadium, gelanggang sukan, trek basikal, projek hutan bandar, kompleks sukan Pusat Bandar Puchong, laluan pejalan kaki OKU, Dewan Awam USJ 7, bangunan tempat letak kereta SS15 serta pengindahan dan rekreasi. Jumlah keseluruhan Caj Pemajuan yang telah dikumpulkan berjumlah RM97 juta.

Program Pemerksaan Komuniti di kawasan B40 iaitu program yang dianggap sebagai satu transformasi dalam penyampaian perkhidmatan dengan mengambil pendekatan memperkasakan komuniti B40 ke arah menjadikan Subang Jaya sebuah perbandaran yang makmur, pintar dan dinamik tanpa meminggirkan golongan kurang bernasib baik dalam menikmati pemodenan semasa. Program ini akan menyokong agenda dan matlamat di bawah matlamat pembangunan mampan untuk kesejahteraan masyarakat, terutamanya dalam mengatasi isu

kemiskinan dan memastikan keamanan serta kemakmuran. Program tersebut berdasarkan aspek pembangunan sosial, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan keselamatan. Setakat tahun 2021, program tersebut melibatkan 24 pangsapuri kos rendah dengan bilangan penduduk seramai 65,368 orang dan melibatkan 3 buah kampung tradisi.

Pembangunan bandar yang rancak di Subang Jaya tidak melupakan 18 kawasan yang dikelaskan sebagai kampung tradisi dan 2 kampung baru dengan anggaran 32,000 penduduk yang tinggal di kampung tersebut. MBSJ telah mengambil beberapa langkah ke arah pemuliharaan kampung tradisi dan kampung baru yang merangkumi peningkatan kemudahan dan teknologi infrastruktur dalam kawasan tersebut.

Sebagai sebuah organisasi Pihak Berkuasa Tempatan yang sentiasa berusaha untuk menuju ke arah kegemilangan, pihak Majlis telah mengadakan Program Bersama Penduduk melalui beberapa aktiviti seperti gotong royong, kempen kesihatan, kempen anti denggi, cegah jenayah, kesedaran alam sekitar, pembangunan usahawan, sukan, sambutan perayaan dan lain-lain. Program yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 adalah sebanyak 3401 program manakala bagi bulan Januari hingga Mei 2022 adalah sebanyak 1348 program. Dari angka ini jelas menunjukkan bahawa di samping pembangunan fizikal, Majlis juga

sentiasa mengimbangkan pembangunan dari segi sosial untuk kemakmuran masyarakat.

Akhirnya, konsep dan pelaksanaan melalui kerjasama erat bersama rakan sinergi yang menyokong kepada *no one leave behind* memerlukan transformasi sistem yang berakar umbi fizikal, ekonomi dan sosial. Struktur tadbir urus, perniagaan dan model masyarakat sejahtera adalah amat penting di semua peringkat iaitu daripada tempatan kepada global.

- iii) Datuk Bandar memaklumkan mengenai anugerah dan pengiktirafan yang diperolehi oleh MBSJ. Untuk mengekalkan status sebagai organisasi berprestasi tinggi, MBSJ telah mempraktikkan reputasi dan imej yang positif kepada organisasi dengan pemakaian standard antarabangsa ISO dalam pengurusan kerja. Usaha ini telah berjaya meningkatkan mutu kualiti penyampaian perkhidmatan sehingga membolehkan MBSJ dikenali sebagai antara PBT terbaik di Malaysia. Dengan imej dan prestij yang tersendiri, MBSJ telah menjadi refleksi kepada keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus yang baik serta mendapat kepercayaan dan keyakinan pelanggan kepada organisasi. Beberapa anugerah dan pengiktirafan telah diperolehi seperti berikut :

- a) Malaysia Book Of Records

MBSJ telah berjaya mendapatkan Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah daripada SIRIM QAS

International Sdn Bhd melalui pensijilan yang bertarikh pada 10 Jun 2019. Objektif utama pensijilan syariah adalah memastikan pembangunan dokumentasi MBSJ adalah mengikut prosedur yang ditetapkan berlandaskan hukum syarak.

Skop Pensijilan adalah melibatkan sembilan aspek pengurusan kewangan, iaitu bayaran, belanjawan, akaun, pinjaman / pembiayaan, perolehan, kaunter, Kumpulan Wang Amanah, pelaburan dan terimaan hasil dan bukan hasil.

Melalui semakan daripada pihak SIRIM mendapati MBSJ merupakan Pihak Berkuasa Tempatan pertama di Malaysia yang berjaya memperolehi pensijilan syariah, maka pada 13 Mei 2022, Majlis telah membuat permohonan untuk mendapatkan penganugerahan '*Malaysia Book of Records*' bagi Pensijilan Syariah.

Surat pengesahan daripada '*Malaysia Book of Records*' telah diterima pada 13 Jun 2022. Sijil tersebut telah disampaikan oleh wakil daripada '*Malaysia Book of Records*' iaitu Mr. Jwan Heah, Chief Marketing Officer, Malaysia Book of Records dalam upacara sebentar tadi.

b) Audit Dan Pensijilan Bagi Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Pihak Pengurusan MBSJ di dalam Mesyuarat Pengurusan Bil.1/2020 bertarikh 16 Januari 2020 telah bersetuju untuk

menjenamakan program 5S Hijau kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Penjenamaan ini bertujuan mengukuhkan dan memantapkan lagi persekitaran kerja yang kondusif.

Sehubungan dengan itu, MBSJ akan menghadapi Audit pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh pihak auditor daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 28 hingga 30 Jun 2022 (Selasa-Khamis) di Ibu Pejabat MBSJ.

Adalah menjadi harapan MBSJ mendapat pensijilan EKSA dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada tahun ini dengan penerapan nilai-nilai EKSA.

- c) World Urban Forum Eleventh Session, Katowice, Poland Pada 26 – 30 Jun 2022

MBSJ telah diberikan peluang untuk menjadi pembentang di World Urban Forum Eleventh Session, Katowice, Poland Pada 26 – 30 Jun 2022 yang melibatkan dua sesi iaitu :

- Sesi Pertama : *Programme Scroll Of Honor Champions-Toward Sustainable, Greener and Climate Resilient Cities* anjuran *New Urban Communities Authority, Ministry Of Housing, Egypt.*

- Sesi Kedua : *SDG in action programme: How to unlock the potentials of Asean Cities to advance localisation of SDGS 2030 Agenda* anjuran MHLG & URBANICE Malaysia.

d) Pengurusan LEAN

MBSJ telah mendapat pengiktirafan GOLD bagi pengurusan Lean yang dilaksanakan pada tahun 2020/2021. Pengiktirafan ini diterima daripada pihak Malaysia Productivity Corporation (MPC) melibatkan tujuh projek.

e) Audit Pengawasan Customer Service Management (CSM) dan Total Quality Management (TQM)

Audit Pengawasan Customer Service Management (CSM) dan Total Quality Management (TQM), telah dilaksanakan oleh pihak SIRIM pada 16 hingga 17 Jun 2022. Syukur Alhamdulillah MBSJ telah berjaya mengekalkan pensijilan tersebut dan diharapkan warga kerja MBSJ terus gigih berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan Majlis sekaligus menaikkan imej MBSJ di peringkat kebangsaan dan luar negara.

- iv) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa MBSJ kekal komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap sebarang pelanggaran di bawah Akta dan Undang-Undang Kecil Majlis dalam usaha

mencapai Bandaraya yang mampan dan bestari serta membangunkan masyarakat yang madani.

Daripada bulan Januari sehingga kini, Majlis telah berjaya merekodkan 16 sabitan yang melibatkan pelanggaran Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 dengan nilai hukuman denda sebanyak RM 79,000.00. Kesemua pesalah yang terdiri daripada pemaju dan pemilik tanah telah didakwa di bawah Seksyen 27(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang membawa hukuman denda maksima sebanyak RM 100,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Kes-kes yang telah didakwa meliputi kilang memproses besi di atas lot kediaman (5 kes), peletakkan kenderaan berat dan barang-barang di kawasan perumahan (5 kes), pusat penjagaan ibu dan bayi selepas bersalin tanpa kebenaran (2 kes), pusat penternakan haiwan di atas kawasan kediaman (3 kes) dan kilang menjual perabot di atas lot kediaman (1 kes).

Pihak Majlis memandang serius aktiviti-aktiviti perancangan tanpa kebenaran, khususnya kilang-kilang haram yang didirikan di kawasan kediaman di atas faktor kacau ganggu kepada masyarakat setempat. Aktiviti kilang haram yang tidak terkawal ini telah menyebabkan isu-isu pencemaran yang bukan sahaja memudaratkan alam sekitar tetapi juga menggugat keselamatan dan kesihatan penduduk sekitar.

Sehubungan dengan itu, Majlis menggesa agar semua pemaju dan pemilik tanah yang menjalankan kilang-kilang haram mematuhi peruntukan undang-undang dan prosedur yang telah ditetapkan dan menghentikan aktiviti-aktiviti yang terlarang tersebut. Pihak Majlis tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan Mahkamah ke atas mana-mana pemaju yang masih gagal patuh kepada undang-undang.

Tindakan pendakwaan terhadap kilang-kilang haram dan pihak yang menjalankan pemajuan tanpa kebenaran akan diteruskan dengan agresif bagi memastikan pelanggaran ini dapat ditangani secara tegas dan saksama. Majlis sentiasa menitikberatkan kesejahteraan penduduk di kawasan MBSJ dan orang ramai digesa untuk membuat laporan terhadap mana-mana aktiviti haram yang dijalankan di kawasan Majlis.

- v) Datuk Bandar juga memaklumkan tentang kempen bayar Cukai Taksiran MBSJ di Aplikasi Shopee. Bil Cukai Taksiran MBSJ bagi penggal kedua tahun 2022 telah diproses pada 30 Mei 2022. Oleh yang demikian, sebagai salah satu usaha ke arah meningkatkan kutipan hasil dan membudayakan pembayaran tanpa tunai, pihak Majlis telah meneruskan kerjasama berkolaborasi dengan pihak Shopee untuk kempen bayar Cukai Taksiran MBSJ di Aplikasi Shopee.

Sebelum ini pihak Majlis telah menjalankan kempen bayaran penggal pertama tahun 2022 bermula pada 1 Disember 2021 sehingga 28 Februari 2022. Sambutan yang diterima amat menggalakkan di mana kutipan cukai melalui Aplikasi Shopee sepanjang tempoh kempen adalah sebanyak RM 996,267 yang melibatkan sebanyak 2,859 transaksi.

Kempen bayar Cukai Taksiran MBSJ di Aplikasi Shopee akan berjalan selama tiga bulan bermula daripada 1 Jun 2022 sehingga 31 Ogos 2022.

Pelanggan yang membuat pembayaran Cukai Taksiran MBSJ melalui Aplikasi Shopee akan menikmati baucer diskaun sebanyak 20% daripada jumlah bayaran cukai taksiran dengan nilai maksimum baucer diskaun adalah RM 5.00. Setiap pelanggan Shopee hanya layak menebus sekali baucer diskaun sahaja sepanjang tempoh kempen.

Pelanggan yang berjaya menerima baucer diskaun perlu membuat penebusan terlebih dahulu sebelum membuat bayaran cukai taksiran di Shopee.

- vi) Datuk Bandar memaklumkan bahawa MBSJ akan menganjurkan Bengkel Asas dan Pertandingan Catur tahun 2022 pada 25 Jun 2022 hari Sabtu, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Dewan Tuah Kompleks 3C MBSJ, Bandar Sunway.

Penyertaan ini terbuka kepada semua namun terhad kepada 50 orang peserta terawal sahaja. Penyertaan terbuka kepada pemain amatir (Fide Rating Bawah 1700) dan yuran pertandingan sebanyak RM 30.00 seorang. Kawalan masa pertandingan adalah 20 minit seorang melibatkan 5 atau 6 pusingan swiss.

Hadiah pertandingan, Johan akan menerima wang tunai sebanyak RM200.00 dan sijil penyertaan. Naib Johan pula akan menerima wang tunai sebanyak RM150.00 dan sijil penyertaan. Tempat Ketiga akan menerima wang tunai sebanyak RM100.00 dan sijil penyertaan manakala kategori saguhati iaitu tempat keempat hingga sepuluh akan menerima sijil penyertaan.

- vii) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu Epid 23 iaitu sehingga 11 Jun 2022, terdapat sebanyak 1,659 kes demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ melibatkan 11 lokaliti hotspot.

Dalam usaha menangani masalah demam denggi semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing. Selain MBSJ dan Pejabat Kesihatan Daerah, penduduk juga perlu memastikan kawasan dan persekitaran rumah atau premis bebas dari tempat pembiakan dengan meluangkan masa 10 minit seminggu sekali untuk mencari serta memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

viii) Datuk Bandar berharap semoga semua warga kerja MBSJ diberi iltizam untuk mencurahkan khidmat bakti khususnya dalam pembangunan perbandaran yang dinamik. Beliau berharap sokongan serta komitmen sentiasa berpanjangan dalam usaha untuk memberikan dan menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat sekaligus merealisasikan penyampaian perkhidmatan ke arah 'Subang Jaya Gemilang Bersama'.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 5/2022

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2022 bertarikh 25 Mei 2022 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 5/2022

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2022 bertarikh 25 Mei 2022 (Rabu) disahkan dengan pindaan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 7.1 & m/s 13	Encik Chia Yew Ken	Kertas cadangan penubuhan Jawatankuasa	Beliau mencadangkan supaya ditambahkan skop pelancongan dalam

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			<p>Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya (Kertas Mesyuarat Bil.6/5/2022)</p>	<p>Jawatankuasa Perancangan Bandar MBSJ.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan skop pelancongan akan dimasukkan dalam bidang tugas Jawatankuasa Perancangan Bandar MBSJ.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 10/2022 bertarikh 26 Mei 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 11/2022 bertarikh 9 Jun 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2022 Bertarikh 8 Jun 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	-	Encik Yap Kok Weng	Program memancing bagi mengurangkan ikan spesis asing	<p>Beliau memohon supaya program memancing di tasik-tasik milik Majlis bagi mengurangkan ikan spesis asing dilaksanakan dan cadangan program dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa cadangan pelaksanaan program memancing dalam tindakan penyelarasan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa untuk dibincangkan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 6.1.1 (v) & m/s 24	Encik Chia Yew Ken	Laporan jumlah keseluruhan bayaran bil utiliti MPP bagi bulan Mei 2022	<p>Beliau mencadangkan supaya MBSJ membuat permohonan kepada pihak TNB bagi penukaran smart meter di kabin, balai masyarakat atau dewan milik Majlis bagi mengurangkan jumlah bayaran bil utiliti.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan akan mengemukakan permohonan kepada pihak TNB Sdn.Bhd.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan Dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2022 Bertarikh 9 Jun 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2022 Bertarikh 13 Jun 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.16 & m/s 19	Encik Thomas Low Yew Sin	Laporan mesyuarat pendengaran bantahan ke atas pindaan kepada senarai nilai berkuatkuasa 1 Julai 2022	Beliau memaklumkan bahawa terdapat surat rayuan daripada Pasaraya USJ 19 City Mall berkenaan cukai taksiran baharu. Oleh itu beliau memohon supaya dibincangkan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>bagi penilaian semula cukai taksiran pasaraya tersebut.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya penilaian semula ini dibawa dalam mesyuarat jawatankuasa akan datang untuk dibincangkan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</p>
2.	Para 6.2 & m/s 31	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Hal-hal lain	Beliau memaklumkan bahawa lokasi lawatan adalah Surabaya dan mencadangkan peserta lawatan dilibatkan pegawai yang terlibat dalam Anugerah bagi Projek Transformasi Ruang Kejiranan Skim Perumahan Kos Rendah bagi Generasi Masa Hadapan '2020 UN-Habitat Scroll of Honour

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Award” sebagai ganjaran.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan kertas cadangan lawatan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa untuk pertimbangan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</p>

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan Dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2022 Bertarikh 13 Jun 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.2 & m/s 11	Encik Muhammad Khairil bin Khalid	Kertas cadangan kutipan sampah kiosk peniaga di kawasan MBSJ	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan kaedah pelaksanaan, caj dan cadangan tarikh pelaksanaan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya Jabatan membuat perbincangan terperinci berkenaan dasar dan kaedah pelaksanaan bersama Jabatan Pelesenan sebelum pelaksanaan di tapak kiosk.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</p>
2.	Para 6.4 & m/s 13	Encik Yap Kok Weng	Kempen menembak gagal di	Beliau memohon penjelasan berkenaan cadangan lokasi yang

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			kawasan pentadbiran MBSJ bagi tahun 2022	terlibat. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat meminta supaya senarai lokasi yang terlibat dengan kempen menembak gagak diedarkan kepada semua Ahli Majlis untuk makluman. Tindakan : Jabatan Kesihatan

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2022 Bertarikh 14 Jun 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.0 & m/s 1	Encik Yap Kok Weng	Taklimat pelaksanaan lesen premis digital myPATIL oleh Syarikat Gates Solution Sdn.Bhd.	<p>Beliau memaklumkan bahawa mesyuarat memutuskan supaya MBSJ membuat semakan dengan pihak SSDU berkenaan myPATIL. Beliau memohon supaya diminitkan perkara tersebut.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta urus setia Jawatankuasa Kawalan Perniagaan membuat pindaan terhadap minit mesyuarat.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>
2.	Para 10.4 & m/s 15	Encik Yap Kok Weng	Kertas cadangan permit untuk menjalankan majlis perayaan musim tengkujuh tahun 2022	<p>Beliau memaklumkan terdapat kawasan melaksanakan perayaan ini melebihi 3 hari. Sehubungan dengan itu beliau memohon supaya perkara (vi) Kelulusan permit bagi</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>pemasangan khemah untuk tempoh tiga (3) hari sahaja diubah kepada tempoh tujuh (7) hari.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju meminda tempoh kelulusan permit bagi pemasangan khemah untuk tempoh tujuh (7) hari.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2022 Bertarikh 14 Jun 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	-	Encik Muhammad Khairil bin Khalid	Kehadiran Mesyuarat	<p>Beliau memaklumkan bahawa beliau menghadiri mesyuarat tersebut. Beliau memohon dilaksanakan pindaan terhadap senarai kehadiran mesyuarat.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta urus setia Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat membuat pindaan terhadap senarai kehadiran mesyuarat.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</p>

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

7.1 Kertas Makluman Menerimapakai Garis Panduan Pembangunan Taman Perindustrian Berkonsepkan Managed Industrial Park di Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya (Kertas Mesyuarat Bil. 7/6/2022)

Kertas cadangan ini telah disediakan dan dibentangkan oleh TPr Ismail bin Muhamad, Pengarah Perancangan Bandar.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerimapakai Garis Panduan Pembangunan Taman Perindustrian Berkonsepkan Managed Industrial Park di Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Jabatan perlu mengenal pasti lokasi yang telah melaksanakan konsep ini dan mencadangkan lawatan penandaarasan dilaksanakan bagi memberikan gambaran yang jelas terhadap pelaksanaan konsep ini.

**Tindakan :
Jabatan Perancangan Bandar**

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Mohamad Kamil bin Harun, wakil daripada Parti Amanah.

9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.55 pagi.

Tarikh Disediakan : 22 Jun 2022

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

(DATO' JOHARY BIN ANUAR), D.P.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Johary bin Anuar, D.P.M.S.
Datuk Bandar - Pengerusi
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar - Setiausaha
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan - Timbalan
Setiausaha

HADIR (AHLI MAJLIS)

1. Encik Yap Kok Weng - Ahli Majlis
2. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
3. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim - "
4. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh - "
5. Encik Chia Yew Ken - "
6. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
7. Encik Thomas Low Yew Sin - "
8. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
9. Encik Wong Yii Seang - "
10. Puan Ng Seow Chen - "

11.	Encik Thong Kim Fatt	-	"
12.	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	-	"
13.	Encik Muhammad Khairil bin Khalid	-	"
14.	Encik Teh Eng Teck	-	"
15.	Puan Aniza binti Jamaludin	-	"
16.	Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan	-	"
17.	Cik Syafiqqa binti Zakaria	-	"
18.	Encik Jestin Raj Savarimuthu	-	"
19.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"
20.	Encik Mohamad Kamil bin Harun	-	"
21.	Encik Jaafar bin Mat Akid	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
3. TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

5. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
6. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
7. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
8. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
9. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Ts Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
13. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
14. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
15. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
16. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
17. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Puan Lee Jen Uyin - Ahli Majlis
2. Encik Mohd Fitri bin Jamaludin - "
3. Encik Kenneth Sam a/l Saminathan - "
4. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
5. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

URUSETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan